

06 MAY 2002

Lubnan-Hubungan/I

LUBNAN MAHU PERKUKUH HUBUNGAN DENGAN MALAYSIA

Oleh: Ahmad Zukiman Zain

KUALA LUMPUR, 6 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Lubnan Rafic Hariri, yang akan tiba di sini esok untuk lawatan tiga hari berkata lawatan itu memberi peluang kepada kedua-dua negara untuk memperkukuhkan hubungan terutama dalam bidang ekonomi.

Hariri berkata beliau akan mengambil kesempatan untuk menemui Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, "sahabat saya dan sahabat Lubnan serta sahabat dunia Arab".

"Saya akan berbincang dengan Dr Mahathir mengenai keadaan di Asia Barat dan masa depan keamanan di rantau itu kerana perkara inilah yang beliau paling memberi perhatian sebagai pemimpin Islam dan sebagai sahabat dunia Arab yang sentiasa menyokong perjuangan rakyat Palestin dan hak masyarakat Arab," kata beliau dalam jawapan melalui e-mel kepada soalan yang dikemukakan oleh Bernama.

"Kami juga akan berbincang cara-cara untuk memperkukuhkan hubungan antara Malaysia dan Lubnan," kata beliau.

Beliau berkata hubungan politik antara kedua-dua negara berada di tahap istimewa sambil berkata kerajaan Malaysia sentiasa menyokong Lubnan terutama semasa pendudukan Lubnan oleh Israel.

"Tetapi kami perlu membangkitkan hubungan ekonomi dan jumlah perdagangan untuk menyaingi hubungan dalam bidang politik," kata beliau.

Ketika ditanya sama ada lawatan Dr Mahathir ke Amerika Syarikat juga akan disentuh dalam rundingan, Hariri berkata Dr Mahathir akan membuat lawatan itu pada waktu yang amat penting bagi dunia Arab dan Islam.

"Beliau akan melakukan lawatan itu selepas Putera Mahkota Arab Saudi Putera Abdullah dan Raja Maghribi Raja Muhammad VI dan pemimpin Arab yang lain melawat Lubnan dan ditengah-tengah perbincangan oleh pentadbiran Amerika untuk menggubal dasarnya terhadap rantau itu dan konflik Arab-Israel.

"Saya akan mendengar pandangan Dr Mahathir yang pasti akan menyentuh mengenai lawatannya ke Washington.

"Saya pasti pandangan Perdana Menteri mengenai perkembangan di rantau itu dan sokongannya bagi keamanan berdasarkan resolusi Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) akan membantu mendorong pentadbiran Amerika meneruskan usaha damainya," kata beliau.

Beliau berkata ia juga akan meyakinkan pentadbiran Amerika bahawa kesepakatan dunia Arab dan Islam menyokong keamanan harus menghasilkan penyelesaian menyeluruh.

Ketika diminta mengulas keputusan PBB untuk membatalkan misi mengumpul maklumat di Jenin, Hariri berkata Lubnan seperti juga Malaysia, kesal akan keputusan PBB itu dan menganggapnya sebagai perkembangan berbahaya.

"Apa yang keputusan itu menunjukkan kepada dunia ialah pengamalan standard yang berbeza-beza bagi negara yang berlainan.

"Ini menunjukkan bahawa Israel terlepas daripada tindakan selepas melakukan pembunuhan dengan disaksikan oleh seluruh dunia.

"Ia juga mencabar kuasa PBB dan mandatnya," kata beliau.

Hariri berkata jika tidak ada apa-apa tindakan diambil bagi menangani keamanan dan meletakkan Israel bertanggungjawab, tidak ada negara di dunia akan menghormati hasrat masyarakat antarabangsa mulai sekarang.

"Kita akan hidup berdasarkan undang-undang rimba dan bukan kedaulatan undang-undang," kata beliau.

Beliau berkata dasar rejim Israel dan peperangannya ke atas rakyat

Palestin menimbulkan bahaya dalam Dunia Arab.

"Sebenarnya, apa yang dilakukan oleh (Perdana Menteri Isreal Ariel) Sharon dalam peperangan terhadap Palestin ialah beliau bukan sahaja memusnahkan infrastruktur dan bandar mereka tetapi yang penting, beliau memusnahkan idea keamanan dan falsafah keamanan.

Beliau berkata pelbagai idea yang berlainan disebarikan sekarang untuk cuba meneruskan agenda keamanan dan mengembalikan keadaan di rantau itu.

"Tetapi idea ini tidak akan berhasil jika punca utama konflik gagal ditangani terutama menamatkan pendudukan Israel ke atas wilayah Syria dan Lubnan dan jika usaha keamanan itu tidak bersifat menyeluruh," kata beliau.

Hariri semalam menemui delegasi anggota kongres Amerika Syarikat di Beirut yang berada di negara itu bagi mendapatkan sokongan bagi cadangan mengadakan persidangan antarabangsa bertujuan membawa Israel dan Palestin ke meja rundingan.

"Arab telah membuat keputusan strategik untuk berdamai tetapi persoalan yang bermain dalam fikiran setiap penduduk Arab sekarang ialah sama ada kami akan mempunyai rakan bagi keamanan. Sharon bukanlah orang yang cintakan keamanan, beliau seorang seorang yang cenderung kepada peperangan," kata beliau.

-- BERNAMA
AZZ AZZ FAZ